Golden Palm Tree Resort

DANNY GOH

TEKS DAN FOTO : NOOR AZURA SAHRIL

Percutian unik, tarikan pengunjung ke Pantai Bagan Lalang

Pemandangan ketika matahari terbenam.

Salah satu bilik yang dihias cantik.

Hiasan menarik di hadapan kolam renang buat tetamu.

Kolam renang unik disediakan khas untuk pengunjung sambil menikmati pemandangan indah.

Desiran ombak yang menghempas pantai pasti mampu menenangkan minda daripada kekalutan akibat bebanan kerja yang tiada kesudahan.

Kebiasaannya Pantai Port Dickson yang terletak di Negeri Sembilan menjadi pilihan pengunjung sekitar Kuala Lumpur dan Selangor kerana fizikalnya yang landai, bersih, berpasir halus dan dilengkapi dengan kemudahan asas.

Tetapi kini, warga kota Kuala Lumpur, mempunyai alternatif lain untuk berekreasi. Mereka tidak perlu perlu memandu jauh lagi.

Mereka kini boleh memilih suasana percutian tepi laut yang serba mewah dan unik dengan berkunjung ke Golden Palm Tree yang juga dikenali sebagai Sepang Gold Coast Malaysia yang terletak di Pantai Bagan Lalang, Sepang. Untuk sampai ke sini, ia memerlukan pemanduan kurang dua jam dari bandar raya Kuala Lumpur, ia pasti tidak akan menghampakan pengunjung untuk menikmati percutian hebat, menceriakan jiwa dan membebaskan diri daripada tekanan.

Gabungan konsep pelancongan moden dan alam semula jadi yang masih kekal dipelihara menjadikan Golden Palm Tree dianggap ikon pelancongan baru di negara ini. Pelancong luar pasti mahu melihat keunikan tempat ini dengan harga berpatutan.

KEUNIKAN GOLDEN PALM TREE RESORT

Jika anda mengambil gambar dari udara, pasti dapat melihat 392 vila terapung atas air dan tersusun cantik dan kemas, membentuk pulau pokok palma seperti di Dubai.

Tidak cukup dengan itu, resort seluas 160 hektar yang dibina dalam formasi pohon kelapa sawit dirasakan cukup unik ditambah pula dengan suntikan ciri-ciri kemelayuan, terutama pada hiasan dalaman vila.

Susunan vila pelbagai jenis menjadikan resort itu kelihatan seperti perkampungan global yang mampu menarik pelancong dalam dan luar negara. Setiap vila pula tidak meminggirkan unsur alam dengan kehijauan flora dan fauna.

Bagi memberikan tempat ini suasana seperti percutian resort di pulau, bukan saja vila dibina terapung di atas permukaan Selat Melaka, tetapi beberapa perkara lain diilhamkan secara kreatif bagi mencipta sentuhan itu seperti kemudahan buggy, konsep dekorasi persekitaran dan kemesraan setiap pekerjanya.

Begitu juga dengan pemandangan di sekitarnya yang boleh dinikmati, menakjubkan dan mengasyikkan, termasuk pengalaman melihat matahari terbit dan terbenam.

Walaupun baru, keunikan pusat pelancongan yang disenaraikan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai resort pokok palma terpanjang itu sudah pun menjadi buah mulut orang ramai termasuk pelancong dari Hong Kong, China, Korea, India, Australia, Asia Barat dan Eropah.

TAWAR PERCUTIAN MENDAMAIKAN

Naib Presiden Kumpulan Sokongan Pemasaran dan Pengurusan Media, Danny Goh berkata, resort yang diuruskan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan CNI International itu terletak di kawasan strategik yang menjanjikan pemandangan pantai indah.

Katanya, kedudukan strategik itu adalah pelaris untuk menarik pelancong. Di tambah lagi dengan keunikan resort yang dibina seolah-olah terapung di atas air.

"Pengunjung yang datang boleh membuat pilihan untuk menempah vila di pesisir pantai atau pun vila di tengah-tengah laut. Kedua-duanya memberi pemandangan alam yang indah," katanya.

Selain pemandangan laut, pengunjung juga boleh menikmati keindahan dua batang sungai yang mengalir memasuki Pantai Bagan Lalang dengan kiri kanannya dipenuhi hutan paya bakau.

Malah kedudukannya yang strategik iaitu 25 minit perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan 45 minit dari Putrajaya juga antara faktor utama menjadikan resort itu sebagai destinasi percutian sekeluarga

"Kewujudan Golden Palm Tree ini menjadikan Pantai Bagan Lalang sebagai 'syurga pantai' terpanjang di Asia iaitu sepanjang 22 kilometer.

"Di sini kami menyediakan empat jenis penginapan eksklusif iaitu Travelers Palm Villa, Canary Palm Villa, Ivory Palm Villa dan Royale Palm Villa yang menjanjikan ketenangan kepada pelanggan," katanya.

Walaupun vila-vila yang menghadap ke laut atau kolam renang itu kelihatan biasa sahaja, tetapi ia tetap selesa apatah lagi saat tirai malam berlabuh.

"Kesemuanya dilengkapi kemudahan-kemudahan asas termasuk telefon talian dail terus antarabangsa (IDD), bar mini dan sebagainya.

"Sediaan saiz bilik yang luas dan susun atur perabot yang kemas memberi keselesaan kepada penghuni untuk bergerak dengan bebas, terutama bagi yang datang bersama keluarga," katanya sambil memberitahu banyak aktiviti menarik boleh dilakukan di sini seperti berbasikal, berkayak, bola tampar pantai dan perahu layar.

KEISTIMEWAAN AHLI KAD ICONIC VACATION CLUB

Bagi anda yang berminat menginap di sini dengan kos berpatutan, bolehlah menjadi ahli Iconic Vacation Club (IVC) yang menawarkan pakej menarik untuk tempoh setahun, 20 tahun dan 25 tahun.

Bagi keahlian setahun, anda menerima penginapan lapan hari tujuh malam (8H7M) dan penginapan untuk empat orang percuma serta dua bilik tidur, boleh pindah milik dan diskaun untuk penggunaan spa.

IVC turut menyediakan keahlian Emas (Gold Membership) iaitu penginapan 8H7M pada harga RM28,800 untuk tempoh 20 tahun.

Bagi tempoh dua tahun pertama, ahli mendapat penginapan percuma untuk dua orang di Studio Vila, tiga kali makan, dua kali minum petang, pelbagai minuman tanpa had, aktiviti sukan air, menggunakan kemudahan kelab dan kad boleh dipindah milik.

Bagi keahlian Platinium (Platinium Membership), untuk tempoh 25 tahun anda hanya perlu membayar RM44,800 dan mendapat penginapan 8H7M dan pelbagai pakej lain, antaranya percuma penginapan untuk empat orang bagi dua tahun pertama di vila yang mempunyai dua bilik tidur, tiga kali makan, minum petang, pelbagai minuman tanpa had, aktiviti sukan air, menggunakan kemudahan kelab dan boleh dipindah milik.

INFO

- DARI KLIA, Sepang Goldcoast boleh dikunjungi dalam masa kira-kira 25 minit dan 45 minit dari Putrajaya, manakala perjalanan dari Kuala Lumpur mengambil masa sejam 15 minit.
- Sepang Goldcoast berkonsepkan ekopelancongan dengan pelaburan RM3 bilion bagi menyediakan pusat pelancongan kelas pertama untuk pelancong di dalam dan luar negara.
- Kawasan itu dibangunkan di kawasan sepanjang 22 kilometer (km) bermula dari muara Sungai Sepang Kecil dan Sungai Sepang Besar serta Pantai Bagan Lalang hingga ke Tanjung Rhu.
- Sepang Goldcoast mempunyai elemen kediaman percutian gaya mewah, selain sarat dengan pelbagai aktiviti rekreasi, sesuai untuk bersantai sambil melihat keindahan alam semula jadi.
- Golden Palm Tree atau hotel atas laut adalah konsep pertama di negara ini dan ketiga di dunia selepas Dubai itu dibina dengan kos RM180 juta.
- Ia mempunyai 399 vila yang dibina di pinggir pantai sehingga ke tengah laut dengan jarak kira-kira satu kilometer.
- Suasana nyaman di situ sememangnya sesuai untuk bercuti bagi mendapatkan kedamaian, malah cocok sekali dijadikan destinasi berbulan madu bagi pasangan yang baru berkahwin.
- Terdapat empat jenis penginapan vila di situ iaitu Travelers Palm, Canary Palm, Ivory Palm dan Royale Palm. Setiap satunya memperlihatkan keistimewaan dan gaya dekorasi tersendiri yang menyerlahkan gabungan ciri-ciri tradisional dan moden.
- Selain dibina terapung di atas air yang memperlihatkan keunikan vila itu, satu lagi impak menarik dipaparkan ialah pada bahagian atapnya. Setiap villa itu beratapkan bumbung yang diperbuat daripada anyaman alang-alang.
- Penggunaan atap daripada sumber alam berkenaan dikatakan, dapat memberikan rasa sejuk dan nyaman dalam vila itu, malah jika pada waktu hujan atau cuaca lembap ia menghasilkan aroma segar yang memberikan kepada minda dan jiwa.

Rasai ketenangan di Tok Aman Bali Beach Resort

Tok Aman Bali Beach Resort, lokasi percutian harus dikunjungi oleh mereka yang sukakan suasana santai.

TOK Aman Bali Beach Resort merupakan sebuah resort percutian empat bintang yang sangat menarik, terutamanya buat kaum keluarga menginginkan dan mahu menikmati percutian indah tanpa gangguan.

Resort yang terletak di Pantai Bisikan Bayu, dalam daerah Pasir Puteh, Kelantan mungkin menepati cita rasa kebanyakan semua orang, sama ada yang mementingkan keselesaan dan keseronokan, mahupun bagi mereka yang lebih memikirkan tentang perbelanjaan.

Terletak kira-kira 50 kilometer dari Kota Bharu, Kelantan, Tok Aman Bali Beach Resort menawarkan pelbagai pakej dan kemudahan menarik khusus untuk mereka yang berkunjung dan seterusnya menginap di sini.

Antara yang ditawarkan, sebanyak 100 bilik indah yang telah direka bentuk dalam seni bina negeri Kelantan.

Setiap bilik dilengkapi dengan balkoni dan pengunjung bebas menikmati keindahan alam dan menghirup udara nyaman.

Bilik-bilik ini juga telah dihias dengan elegan dan dilengkapi banyak kemudahan termasuk meja, bilik tidak merokok, perkhidmatan internet untuk tetamu dan pelbagai lagi kemudahan lain.

Tok Aman Bali Beach Resort juga menyediakan kemudahan seperti kolam renang luar, ruang sukan bola tampar pantai, gim/kecerdasan, sauna, taman kanak-kanak, wifi di tempat awam, restoran, dobi, dewan badminton dan tempat letak kereta.

Juga mempunyai kemudahan seperti khidmat pelancongan, taman herba, bilik mesyuarat yang boleh menampung kapasiti antara15 hingga 80 orang untuk agenda mesyuarat mahupun seminar dan macam-macam lagi.

Segala kemudahan lengkap yang disediakan itu sudah semestinya memberikan pengalaman yang tidak akan dilupakan buat semua tetamu.

Sementara itu, Pengurus Resort, Hizam Shah Omar, 45, berkata, sebagai meraikan malam Tahun Baru 2012, resort ini menawarkan majlis makan malam secara bufet dengan harga berpatutan pada malam itu.

Menyajikan hidangan tempatan dan antarabangsa serta pelbagai pencuci mulut, di samping aktiviti menarik seperti karaoke dan cabutan bertuah, sudah pasti perayaan malam Tahun Baru anda lebih bermakna di resort ini.

Justeru, bagi yang menginginkan penginapan sebegini dan menikmati hidangan makan malam, hubungilah talian 09-6918899.

Phuket, syurga dunia

Oo...ye ke?

NAMA *Phuket* bermaksud *Crystal Mountain* (Gunung Kristal) berasal daripada perkataan Bahasa Melayu-*Bukit*. Ini tidak menghairankan kerana hampir 70 peratus daripada kepulauan itu dikelilingi bukit-bukau. Malah pengaruh bangsa Melayu tidak boleh dinafikan kerana Phuket terletak di Selatan Thailand, berhampiran Malaysia.

Selain terkenal dengan Pantai Patong, kawasan Pantai Karon dan Kata juga semakin mendapat perhatian kerana keindahan yang memukau. Keseluruhannya terdapat 17 pantai di Wilayah Phuket, yang kebanyakannya masih tidak diketahui pengunjung. Kecantikan lautan Andaman yang mengelilingi wilayah ini menjadikan Phuket destinasi percutian termasyhur di dunia.

Beberapa lokasi lain, misalnya kuil Wat Chalong, kilang Kacang Gajus dan menonton aksi hebat di Taman Tema Phuket FantaSea Show boleh disaksikan oleh pengunjung jika datang ke Phuket.

Panaskan badan di La Hot Spring

Lokasi Pilihan

LA Hot Spring yang terletak di Besut, Terengganu merupakan antara lokasi percutian yang paling popular di negeri itu. Taman rekreasi ini menawarkan keunikan mata air panas dan keajaiban alam yang sungguh menakjubkan. Keunikan mata air panas yang keluar dari celah-celah batu menjadikan taman rekreasi ini begitu popular di kawasan Pantai Timur Semenanjung.

Satu tarikan lain di sini ialah terdapat kemudahan sauna dalam suasana semula jadi. Kolam air panas asli ini dapat merungkaikan regangan saraf dan membebaskan kekusutan minda dengan kemujaraban alam semula jadi.

Bagi yang gemarkan aktiviti lasak, terdapat tiga trek yang boleh dipilih mengikut tahap kesukarannya. Kesemua trek yang disediakan akan membawa anda melalui tempat menarik seperti Lata Berangin, Batu Katak, Kolam Puteri dan Gua Bahtera.

Selain itu, kehangatan air panas La Hot Spring ini juga dikatakan mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Ramai yang datang berkunjung ke sini untuk perubatan.

Di tepi kolam air panas ini juga terdapat sebuah anak sungai yang mengalir turun dari puncak Gunung Tebu. Airnya jernih dan bersih. Suhunya amat sejuk. Bagi anda yang berminat dengan batu permata sungai, bolehlah cuba mencarinya di sini.

Mereka yang berkunjung ke La Hot Spring, pastinya akan berasa selesa dan gembira kerana bermacam-macam bentuk kemudahan disediakan, antaranya chalet, surau, dewan serba guna, tandas dan lain-lain. Pelbagai jenis gerai makanan dan minuman juga ada di sini dan bagi yang gemar memasak pula, terdapat satu ruang khas buat pengunjung yang ingin memasak.

Vila terapung

RINDUKAN tiupan angin dan nyanyian ombak yang menenangkan dan mendamaikan jiwa? Atau anda mendambakan persekitaran yang dipukau panorama indah? Mungkin jawapannya hanya ada di Golden Palm Tree atau lebih dikenali sebagai Sepang Gold Coast Malaysia.

Terletak di Pantai Bagan Lalang Sepang, lokasi pusat pelancongan ini pastinya menjanjikan yang cukup hebat pada sesiapa saja yang berkunjung ke sini malah tidak keterlaluan dikatakan perasaan hati begitu melonjak kegirangan untuk terus menetap di situ dalam jangka masa panjang.

Pusat percutian yang kian menjadi buah mulut semua orang itu merupakan antara ikon pelancongan antarabangsa yang terbaru dan terhebat di negara ini. Menjanjikan pelbagai kemudahan menyeluruh seperti rumah kelab yang unik, bilik mesyuarat, kedai, pusat perniagaan, restoran, kolam renang, pusat rekreasi, pusat penjagaan kesihatan, spa dan gim, anda pastinya seronok dan akan terus bergembira sepanjang masa.

Justeru, jangan lepaskan peluang untuk singgah dan bercuti di sini kerana Golden Palm Tree adalah lokasi paling menakjubkan hanya kerana memiliki vila terapung atas air yang tersusun kemas dan menyerupai bentuk pokok palma, di samping pelbagai lagi kemudahan menarik disediakan khas untuk anda!

Lihat muka